

05/07/1999

Telekomunikasi dunia di MSC

Azli Ayob

TELEKOM Malaysia Bhd kini bersedia memberikan perkhidmatan telekomunikasi bertaraf dunia kepada syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali, berkata keyakinan itu berikutan semua prasarana tetap untuk sistem telekomunikasi jalur lebar canggih sudah disiapkan di bandar raya Cyberjaya, Selangor yang terletak di kawasan MSC.

Pembukaan Pusat Cyberjaya Telekom Malaysia (TMCC) pula akan menjadi tulang belakang kepada nadi telekomunikasi di MSC, katanya.

"TMCC yang dilengkapi dengan pelbagai prasarana komunikasi termaju berupaya menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia kepada syarikat berstatus MSC.

"Pusat ini mampu memenuhi keperluan pengguna di MSC yang inginkan perkhidmatan telekomunikasi tercanggih," katanya sempena lawatan media ke TMCC, minggu lalu. MSC ialah kawasan sepanjang 40 kilometer dan selebar 15 kilometer dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, termasuk pusat pentadbiran baru Putrajaya, yang khususnya menempatkan kegiatan pembangunan dan penggunaan multimedia.

Mohamed Said berkata, pusat yang menempatkan semua kelengkapan telekomunikasi untuk zon perdana Cyberjaya itu turut berfungsi mengawasi sebarang kegagalan rangkaian tempatan termasuk kabel gentian optik.

"Talian gentian optik menjadi komponen penting dalam pembangunan MSC terutama di Cyberjaya bagi memenuhi keperluan telekomunikasi berkeupayaan tinggi oleh syarikat yang beroperasi di sini," katanya.

Menteri Tenaga Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie akan merasmikan pusat berkenaan hari ini.

Bandar raya pintar Cyberjaya pula, dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 8 Julai ini sempena persidangan Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP).

Bangunan TMCC menelan kos RM15 juta itu yang dibina di atas tapak seluas satu hektar dan terletak berhampiran Universiti Multimedia, mula dibangunkan pada Februari lalu dan disiapkan bulan lalu.

Perkhidmatan yang disediakannya termasuk kemudahan telefon, satelit, interaktif multimedia, talian atur dan rangkaian digital sistem bersepadu (ISDN).

Pengurus Besar Bahagian MSC & Projek Mega Telekom Malaysia, Datuk Mohd Taib Hassan, berkata perkhidmatan itu selain disediakan kepada syarikat berstatus MSC turut diberikan untuk kegunaan perniagaan dan kediaman berhampiran kawasan pertumbuhan MSC.

Mohd Taib berkata, komitmen Telekom kepada projek MSC mambabitkan pelaburan keseluruhan RM2.2 bilion bagi tempoh 1998 hingga 2006.

Katanya, Telekom akan menempatkan 1,000 kakitangannya di Cyberjaya untuk menyokong perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan MSC.

(END)